

Headline	Pameran Desert Rose abadikan Afrika Utara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	4	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	829 cm ²
Journalist	Siti Haliza Yusop	AdValue	RM 28,066
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,199



Pameran Desert Rose abadikan Afrika Utara

» Cetusan ilham kembang Rafiee

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Pelukis, Rafiee Ghani dan kembang ke luar negara bukan padanan asing, sebaliknya cetusan ilham yang diperoleh melalui kelana itu ditumpahkan pada Pameran Desert Rose di Galeri Chandan@Publika, Solaris Dutamas, Kuala Lumpur yang berlangsung sehingga 26 April ini.

Menampilkan sebanyak 24 catan, Pameran Desert Rose merakamkan pengembaraan Rafiee yang sering berulang-alik ke Afrika Utara selama dua tahun sejak tahun 2011.

Abadikan keindahan sepanjang pengembaraan

Rafiee yang juga bekas Pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) berkata, beliau mengabadikan keindahan yang ditemui sepanjang

pengembaraan itu, sebelum hilang ditelan 'masa.'

"Di sebalik latar yang diliputi gurun dan kelihatan kering, kawasan itu menampilkan citra keindahan tersendiri bumi Afrika Utara yang subur serta penuh warna-warni," katanya kepada Galeri BH di Galeri Chandan@Publika, baru-baru ini.

Kemansian pengembaraannya itu, akui Rafiee, disebabkan beliau dapat melahirkan catan, *The Following Sea* yang menjadi karya yang paling digemarinya pada siri pameran itu.

Latar yang unik

"Karya *The Following Sea* merakamkan pengalaman saya sewaktu berada di Tan Tan, Maghribi yang memiliki latar alam yang memukau.

"Apa yang menyebabkan Tan Tan begitu unik ialah kawasan itu menjadi pertemuan antara padang

pasir dengan laut, sekali gus menjadikannya senario yang jarang dapat disaksikan," katanya.

Lebih daripada itu, kata Rafiee, beliau juga cuba melukis perubahan yang dialami, apatah lagi selepas ramai penduduknya berpindah meninggalkan kawasan berkenaan.

"Penduduk Tan Tan bergantung kepada laut sebagai sumber rezeki namun musibah yang melanda kawasan itu, mendorong mereka membina kehidupan di kawasan lain.

"Pada saya, keindahan kawasan itu tidak lagi dapat disaksikan sehingga ia ditinggalkan," katanya yang gemar menghasilkan karya menggunakan bahantara cat minyak.

Ini kerana Rafiee menganggap bahantara itu bukan saja tahan, bahkan wadah terbaik untuk teknik lukisannya yang menggunakan sapuan berus kasar.



The Following Sea

“ Di sebalik latar yang diliputi gurun dan kelihatan kering, kawasan itu menampilkan citra keindahan tersendiri terhadap bumi Afrika Utara yang subur serta penuh warna-warni”

Rafiee Ghani,
Pelukis



The Breaking Point

Cross Town

INFO

Pameran Desert Rose

- **Pelukis:** Rafiee Ghani
- **Lokasi:** Galeri Chandan Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1, Kuala Lumpur
- **Tarikh:** sehingga 26 April 2014